



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (42)

Tarikh : 22 April 2024

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN SYARAT PEMILIKAN SYARIKAT BAGI
PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN BAHARU DENGAN PERBADANAN TABUNG
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK) DAN SYARAT-SYARAT PEMBERIAN ELAUN
KOMPUTER RIBA KEPADA PELATIH DI BAWAH SKIM PINJAMAN LATIHAN
KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-i).**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran Dan Agihan (JPPA) Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bil. 4 Tahun 2024 yang bersidang pada 3 April 2024 telah bersetuju untuk menambahbaik kriteria syarat pendaftaran Penyedia Latihan bagi urusan pendaftaran penyedia latihan baharu dengan PTPK serta syarat-syarat pemberian elaun komputer kepada pelatih di bawah Skim Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik (PLK-i) seperti yang berikut:

2.1. Pendaftaran Penyedia Latihan Oleh Syarikat Pemilikan Bukan Warganegara Malaysia.

- (i) Syarikat adalah milik Warganegara Malaysia dengan **peratus pemegang ekuiti syarikat hendaklah sekurang-kurangnya 51%**.
- (ii) Syarat ini hanya terpakai kepada Penyedia Latihan baharu yang memohon untuk berdaftar dengan PTPK selepas tarikh kuat kuasa iaitu 3 April 2024.

2.2. Perluasan Program Latihan Kemahiran Dalam Pemberian Elaun Komputer

- (i) Pemberian elaun komputer dipanjangkan kepada pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran yang berikut:
 - a. ***Desktop Publishing (PR-024-2:2012)***; dan
 - b. ***Rekaan Grafik (PR-024-3:2012)***.

PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN SYARAT PEMILIKAN SYARIKAT BAGI PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN BAHARU DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK) DAN SYARAT-SYARAT PEMBERIAN ELAUN KOMPUTER RIBA KEPADA PELATIH DI BAWAH SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-I).


- (ii) Tawaran pemberian elaun ini adalah tertakluk kepada pelatih yang belum menerima elaun ini sahaja.
- (iii) Permohonan Elaun Pembelian Komputer Riba ini boleh dibuat semasa pendaftaran pinjaman latihan kemahiran pelatih secara dalam talian melalui pautan <http://online.ptpk.gov.my:7777/ptpk/online/> bermula **4hb April, 2024**.

3. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai saya iaitu Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi menerusi talian 013-229 7107 atau menerusi emel zamir@ptpk.gov.my. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berikan berhubung perkara ni amatlah dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)